

terdahulu, maka Institutiut ini sekarang mempunyai Rancangan Penyelidikan Perubatan Luarbandar, yang menitekberatkan masalah-masalah kesihatan yang dihadapi oleh masyarakat luarbandar. Kebanyakan kampung-kampung yang terpencil, kampung-kampung nelayan, Rancangan Kemajuan Tanah, penempatan orang-orang Asli, kampung-kampung baru, ladang-ladang dan kawasan-kawasan perlombongan sekarang ini telahpun dapat menikmati kemudahan-kemudahan kelinik dan perubatan, yang pada masa dahulu, hanyalah disediakan